



JABATAN KEWANGAN NEGERI
PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO SEBUT HARGA : 01 / 2023

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah **Kod Bidang 221001 dan 221002** dalam bidang perkhidmatan dibenarkan menyertai sebut harga berikut :

**“PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN DI TAPAK PESTA
SUNGAI NIBONG PULAU PINANG ”**

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi Taklimat dan Lawatan Tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh	:	14 Februari 2023 (Selasa)
Masa	:	10.00 pagi <i>*(Pendaftaran ditutup tepat jam 10.30 pagi)</i>
Tempat	:	Dewan Terbuka Tapak Pesta Sungai Nibong
Kehadiran	:	Pemilik Syarikat (Wakil Perlu Kemuka Surat Daripada Syarikat)
Tambahan	:	SILA BAWA COP SYARIKAT

3. Tuan/ Puan adalah **DIWAJIBKAN** membawa bersama dokumen salinan asal dan salinan fotostat (tidak akan dikembalikan) yang disahkan seperti berikut :

- i) **Cetakan Spesifikasi Kerja dan kawasan terlibat yang dimuat turun dari Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP);**
- ii) **Sijil Pendaftaran Syarikat yang masih sah; dan**
- iii) **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (Kod Bidang ditetapkan) yang masih sah.**

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara atas talian (online) dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **15 Februari 2023 (Rabu)**.
5. Dokumen sebut harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Nombor dan Tajuk Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen Tender tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 24 Februari 2023 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Jabatan Kewangan Negeri, Tingkat 23, KOMTAR, Peti Surat 3007, 10990 Pulau Pinang**.
6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab Penyebut harga.
7. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

YB. Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang